

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

SOALAN : Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan butiran dan perkembangan terbaru penyusunan semula korporat BERNAS dan bilakah BERNAS akan disenaraikan semula dalam Bursa Saham.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Penyenaraian keluar BERNAS dari Bursa Saham telah melalui tatacara dan perundangan yang telah ditetapkan oleh Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti dan ia tidak bercanggah dengan Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani dengan Kerajaan.

Wakil daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah BERNAS bagi memastikan semua keputusan yang dibuat oleh BERNAS adalah seiaras dengan dasar-dasar Kerajaan dan matlamat asal penswastaan. Penstrukturan semula atau penyenaraian semula BERNAS dalam Bursa Saham adalah tertakluk kepada keputusan pemegang saham BERNAS. Pada ketika ini, pemegang saham BERNAS belum menetapkan penyenaraian semula BERNAS dalam Bursa Saham.